



JABATAN MUFTI NEGERI KEDAH
IRSYAD AL-FATWA

**PANDANGAN FATWA MENGENAI PEMINDAHAN MAKAM KELUARGA WANGSA
JAMALULLAIL DI LIMBONG, KEDAH.**

Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah telah meneliti Kertas Cadangan Pelaksanaan Istiadat Pemindahan Makam Keluarga Wangsa Jamalullail di Limbong, Kedah yang dikemukakan oleh pihak Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis dan bersetuju memberi pandangan seperti berikut;

1. Islam adalah agama yang sangat menjaga kemuliaan jenazah / mayat anak Adam. Islam juga memelihara hak-hak serta kehormatan sebagai manusia sekalipun setelah meninggal dunia. Firman Allah ﷻ;

وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِي آدَمَ وَحَمَلْنَاهُمْ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ وَرَزَقْنَاهُمْ مِّنَ الطَّيِّبَاتِ وَفَضَّلْنَاهُمْ عَلَىٰ كَثِيرٍ مِّمَّنْ خَلَقْنَا تَفْضِيلًا¹

Maksudnya: *Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam; dan Kami telah kurniakan kepada mereka untuk menggunakan berbagai-bagai kenderaan di darat dan di laut; dan Kami telah memberikan rezeki kepada mereka dari benda-benda yang baik serta Kami telah lebihkan mereka dengan selebih-lebihnya atas banyak makhluk-makhluk yang telah Kami ciptakan.*

2. Merujuk pandangan ulama' mazhab **as-Syafie**, hukum asal pemindahan kubur jenazah yang telah dikebumikan adalah haram. Bagaimanapun, dalam kes-kes tertentu, harus dipindah jenazah tersebut atas faktor darurat atau hajat.
3. Hal ini berdasarkan pandangan-pandangan;

يَجُوزُ نَقْلُ المَيِّتِ عِنْدَ الجُمهُورِ لِحُرُورَةٍ أَوْ مَصْلَحَةٍ أَوْ غَرَضٍ

صحيح.²

Maksudnya; *Harus memindah mayat di sisi Jumhur dalam keadaan darurat, atas kepentingan awam atau atas tujuan yang jelas.*

"ونبشه بعد دفنه للنقل وغيره حرام إلا

Maksudnya; *"Dan menggantinya (kubur) selepas mengkebumikannya bagi tujuan memindahkannya adalah haram kecuali dalam keadaan darurat."*

Daripada petikan di atas, Imam an Nawawi ρ telah menggariskan keharusan memindah kubur atas sebab-sebab syarak atau masalah umum antaranya;

- a. Jenazah dikebumikan di dalam masjid,
 - b. Kedudukan jenazah tidak mengikut arah kiblat,
 - c. Memelihara kemuliaan dan kesucian mushaf / ayat al Quran,
 - d. Jenazah dikebumi tanpa dimandi atau dikafan,
 - e. Jenazah dikebumi atas tanah yang dirampas atau milik orang,
 - f. Terdapat harta milik orang lain pada jenazah atau kubur berkenaan,
 - g. Dibimbangi jenazah itu dikebumikan di laluan saliran atau tanah yang mendap.⁴
4. Berdasarkan pandangan-pandangan di atas, Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah bersetuju memutuskan bahawa **harus** memindahkan jenazah yang telah dikebumikan di Makam Keluarga Wangsa Jamalullail di Limbong, Kedah atas masalah memelihara kehormatan makam yang berada di atas tapak milik persendirian.
5. Kos pemindahan tersebut hendaklah ditanggung oleh pihak pemohon dan dinasihatkan supaya;
- i. Pemindahan kubur hendaklah dilakukan dengan penuh sopan dan cermat,
 - ii. Peralatan yang digunakan semasa menggali kubur hendaklah daripada jenis peralatan yang ringan seperti cangkul, cop dan seumpamanya sekiranya dapat mengawal daripada terkena jujuk-jujuk mayat,

² دوكتور وهبة الزحيلي، الفقه الإسلامي وأدلته، ج 2، ص 529..

³ خطيب امام الشرييني، مغني المحتاج، ج 1 ص 544.

⁴ الشرازي، امام ابي زكريا محي الدين بن شرف النووي، المجموع شرح المهدب، ج 5 ص 256؛ الأمين الحاج محمد أحمد، حكم نقل الميت من بلد الى بلد قبل الدفن، الطبعة الأولى، جامعة أم القرى، ص 53.

iii. Setiap mayat yang masih sempurna hendaklah dikebumikan di suatu tempat berasingan,

iv. Manakala mayat yang terdiri daripada serpihan tulang hendaklah dikumpul dan disemadikan semula dalam satu liang (kubur) dengan menggunakan kain putih,

Proses pemindahan tersebut hendaklah diselia oleh Majlis Agama Islam Kedah serta pihak berkuasa Agama Islam Negeri Perlis.

TARIKH KEPUTUSAN : 24 OKTOBER 2021